

Haramkan penjualan kepada pengguna bawah 18 tahun

Kuala Lumpur: 'Shisha stick' perlu diharamkan penjualannya kepada pengguna bawah 18 tahun, sama seperti rokok kerana dikhuatiri boleh menjejaskan kesihatan, menyebabkan ketagihan dan meningkatkan risiko mereka

menjadi perokok tegar.

Pakar Kimia Organik, Petrokimia dan Pemangkinan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin, berkata langkah itu perlu kerana sehingga kini belum ada kajian saintifik dilakukan

oleh mana-mana pihak termasuk di negara maju yang mendedahkan kandungan sebenarnya.

Beliau yang juga Timbalan Pengerah Pusat Pengurusan Penyelidikan UPM, berkata berdasarkan maklumat diberikan oleh

pengeluar, shisha berkenaan mengandungi tiga bahan utama iaitu propilena glikol, glicerin dan air serta perasa buah-buahan yang biasanya ditemui dalam industri pembuatan makanan.

Belum ada kajian terperinci

Bagaimanapun, katanya sehingga kini masih belum ada kajian terperinci dilakukan oleh pakar dan Jabatan Kimia Malaysia yang boleh mengesahkan kandungan sebenar shisha berkenaan.

"Oleh itu saya berharap pihak berkuasa dapat meningkatkan

penguatkuasaan bagi menghalang penjualan shisha di pasaran terbuka terutama kepada mereka di bawah umur 18 tahun seperti rokok biasa.

"Ini perlu kerana saya tidak menolak kemungkinan bahawa shisha juga mengandungi bahan kimia berbahaya seperti tar dan nikotin dalam bentuk cecair yang bukan sahaja boleh menyebabkan ketagihan dan menjejaskan kesihatan, malah mengakibatkan kematian serta merta," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.